

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

Tarikh: 1/1/2026

1 Apakah IKHLAS Basic Critical Illness?

IKHLAS Basic Critical Illness ialah produk perubatan dan kesihatan yang menyediakan perlindungan bagi penyakit kritikal untuk 20 tahun. Ia membayar manfaat sekaligus sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis menghadapi penyakit kritikal seperti strok/ angin ahmar, serangan jantung atau kanser. Ini adalah pelan perlindungan tulen tanpa komisyen yang tidak menyediakan sebarang manfaat takaful ataupun bayaran balik apabila sijil takaful diserahkan.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu semua peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah. Kadar adalah berdasarkan jantina, umur semasa, kadaran kelas pekerjaan dan faktor-faktor lain. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam dana risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan asas sebanyak RM50,000 untuk lelaki berumur 30 tahun yang sihat, tempoh perlindungan 20 tahun dan **RM399.20** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Perlindungan	RM50,000
Penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah produk ini termasuklah: 1. <i>Kanser</i> 2. <i>Strok</i> 3. <i>Serangan jantung</i>	
Nota: Senarai ini bukan senarai lengkap. Sila rujuk sijil takaful anda untuk maklumat terperinci mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.	

Pengecualian takaful perubatan dan kesihatan anda termasuk:

- Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara; atau
- Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- Sebarang kegiatan keganasan. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, melakukannya di atas dasar politik, keagamaan, ideologi atau sebarang tujuan yang menyerupainya termasuklah sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/ atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
- Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiaman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- Hilang upaya yang ditanggung oleh orang yang dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara atau belon udara kecuali apabila orang yang dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- Sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pencantuman nuklear, atau pencemaran radioaktif; atau
- Sebarang keadaan sedia wujud yang bermula sebelum tarikh sijil takaful dikeluarkan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian; atau
- Jika penyakit tersebut di diagnosis dalam tempoh menunggu, kecuali yang disebabkan oleh kemalangan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603-2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/category/health/product/ik-hlas-basic-critical-illness-takaful>



E-mel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:

Sumbangan **RM399.20 Tahunan**

Tempoh: sehingga umur 50 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem **RM10**

Yuran Wakalah **12.0% daripada sumbangan atau RM958.06**

Caj lain yang berkenaan

- i) Yuran Penguatkuasaan Semula*: **RM15**
- ii) Caj Sijil Takaful:

Mod Sumbangan	Caj Sijil
Tahunan	RM48
Setengah Tahunan	RM24
Suku Tahunan	RM12
Bulanan	RM4

** Yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.*

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk permohonan tuntutan anda ditolak atau polisi dibatalkan.
- Perlindungan anda hanya akan bermula selepas 30 hari (bagi angin ahmar) atau 60 hari (bagi serangan jantung dan kanser) daripada tarikh berkuatkuasa sijil takaful atau tarikh pengaktifan semula, yang mana kemudian.
- Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak syarikat dalam masa 30 hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu oleh pihak syarikat. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada pihak syarikat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat. PDS ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan takaful. Sijil takaful akan mengatasi dokumen ini.

? Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan mengembalikan sijil takaful tersebut dalam tempoh 15 hari selepas sijil takaful anda diterima. Sumbangan yang telah anda bayar (selepas ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Anda boleh membatalkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada pihak syarikat. Semasa pembatalan, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik sumbangan takaful tetapi perlindungan anda akan diteruskan sehingga tempoh sumbangan takadul yang seterusnya.

Manfaat yang layak dibayar di bawah sijil takaful ini dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada risalah 'PIDM's TIPS' atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:
Tarikh: